

**PERTANYAAN – PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS 2016  
(17 OKT 2016 – 24 NOV 2016)**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI  
WANG  
(KOTA SAMARAHAN)**

**TARIKH : 18.10.2016 (SELASA)**

**NO. SOALAN : 9**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan kelulusan permohonan projek jalan kampung dan permohonan projek lampu jalan di kawasan luar bandar dan statistik kelulusan untuk Parlimen Kota Samarahan.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi menaik taraf jalan-jalan luar bandar di bawah Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) bagi keseluruhan Parlimen Kota Samarahan sejak tahun 2013 sehingga tahun 2016 ialah sebanyak RM6.01 juta melibatkan 20 projek.

Manakala di bawah projek Lampu Jalan Kampung (LJK), Kementerian telah melaksanakan di negeri Sarawak bermula pada tahun 2002 secara berfasa. Sehingga tahun 2016 sebanyak 27,259 unit LJK dilaksanakan di negeri Sarawak yang merangkumi 5 fasa pelaksanaan.

Bagi parlimen Kota Samarahan, sebanyak 1,529 unit LJK telah dilaksanakan di dalam 5 fasa tersebut.